


TIs 13/2/2011

MISA.

Suku Temuan, hutan sukar dipisahkan



MUKADIMAH

SEBUAH banglo empat bilik, sebuah rumah teres dan wang pampasan yang diberikan kepada 147 keluarga Orang Asli suku Temuan bolehlah dianggap 'pengganti' apabila pemaju mahu membangunkan kawasan penempatan asal mereka di Kampung Bukit Lanjan, Damansara.

Kediaman di penempatan baru yang dinamakan Desa Temuan itu terletak di Damansara Perdana, sebuah kawasan pesat membangun yang menyaksikan kewujudan bangunan-bangunan komersial, kawasan perumahan dan pusat beli-belah.

Perpindahan mereka dari hutan hijau ke 'hutan batu' dengan

kediaman terancang dan selesa secara tidak langsung dilihat dapat mengubah dan meningkatkan taraf hidup Orang Asli supaya dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan anggota masyarakat lain.

Kini, sudah lebih 10 tahun kehidupan hutan Bukit Lanjan ditinggalkan mereka. Tiada lagi pondok, tentu sekali malam mereka tidak lagi kegelapan dengan adanya pelbagai prasarana. Apakah mereka selesa dengan kehidupan baru ini?

Mingguan mStar ke Desa Temuan bagi menyaksikan kehidupan mereka dalam dunia moden yang pastinya lebih selesa berbanding dahulu, serta menyelami pengalaman mereka yang telah 'berhijrah' ke dunia baru.

PERTAMA kali memasuki kawasan Desa Temuan, fizikalnya hampir tiada beza dengan kawasan perumahan lain.

Melihat saiz rumah yang agak besar membuatkan hati terdetik betapa beruntungnya Orang Asli di sini apabila mendapat aset percuma walaupun tidak pernah meminta.

Apa yang dapat dikata, 'Tuah ayam nampak di kaki', tuah Orang Asli dapat dilihat apabila mereka

dihantar ke lokasi baru yang lebih selesa dan sempurna.

Namun di sebalik keharmonian dan kesempurnaan Desa Temuan rupa-rupanya wujud 1001 kisah.

Tidak keterlaluan dikatakan Desa Temuan menjadi sebuah kisah klasik negara apabila kerajaan dan pemaju cuba mencipta kemodenan untuk manusia yang langsung tidak pernah terfikir tentangnya.

Secara amnya, penduduk kawasan tersebut terbahagi kepada tiga golongan iaitu Orang Asli yang lahir dan membesar di Bukit Lanjan,

golongan muda Orang Asli yang pernah merasa kehidupan hutan sebelum dipindahkan dan kanak-kanak Orang Asli yang barangkali tidak tahu wujudnya kehidupan hutan seperti yang pernah dirasai ibu bapa mereka sebelum ini.

Bagi golongan muda dan kanak-kanak, tidak hairanlah jika rutin harian mereka hampir sama dengan masyarakat biasa.

Mereka ke sekolah, bergaul bersama rakan dan nampaknya sedikit demi sedikit belajar mencari hiburan luar jika ada kelapangan.

Pun begitu, darah Orang Asli yang mengalir dalam tubuh membuatkan mereka seakan-akan tidak boleh dipisahkan dengan aktiviti lasak.

Buktinya, kanak-kanak di kawasan perumahan itu begitu mahir memanjat pokok walaupun tidak lagi tinggal di dalam hutan sedangkan ibu bapa mereka tidak pernah mengajar selok-belok bergayut di dahan pokok.



Kelihatan kanak-kanak Orang Asli menjadikan pokok di halaman rumah mereka di Desa Temuan sebagai tempat bermain.

Salah seorang penduduk Orang Asli Desa Temuan masuk semula ke hutan untuk menangkap ikan.

Berkaki ayam

Di tengah terik mentari pula, sesetengah mereka masih mampu 'berkaki ayam' di atas tar.

Namun, masalah timbul apabila sukar bagi kebanyakan ibu bapa mereka mengadaptasi kehidupan 'moden' sementelah kemajuan bukan matlamat.

Orang Asli payah mengubah gaya hidup dengan memberi alasan; mereka tidak boleh dipisahkan dengan hutan dan alam semula jadi.

Timbul rasa simpati apabila majoriti penduduk mengeluh hutan yang ditarah untuk tujuan pembangunan membuatkan mereka hilang sumber rezeki.

Walaupun kini tinggal di rumah besar, mereka yang selama ini bergantung hidup dengan hasil hutan terpaksa mencari alternatif lain bagi menyara keluarga.

Mereka yang tiada kelulusan atau kemahiran selain menyumpit, bercucuk tanam dan memburu sukar

diterima bekerja, malah makan gaji adalah pekerjaan yang begitu asing bagi mereka.

Kesudahannya, golongan itu terpaksa mencari sisa-sisa tanah dan hutan berdekatan untuk bercucuk tanam bagi mencari rezeki.

Menyedari tidak mungkin dapat berpatah balik, mereka reda dengan perubahan walau pendapatan yang diterima tidak 'sekencang' dulu.

Mujur dalam masa yang sama terdapat juga generasi baru masyarakat Orang Asli yang diterima bekerja dan lebih membanggakan ada yang berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading.

Generasi inilah yang diharapkan dapat 'membawa keluar' ibu bapa mereka dari dunia sebenar Orang Asli yang beratus tahun memperoleh rezeki untuk hidup dari isi hutan.



TIS 13/2/2011 M/S 5.

Oleh IWAN SHU-ASWAD SHUAIB

iwan@thestar.com.my

Kemodenan hilangkan identiti komuniti

KEPESATAN pembangunan seiring dengan kemodenan bukan isu atau masalah kepada Orang Asli.

Sebaliknya yang semakin terhakis ialah nilai dan identiti komuniti itu gara-gara arus kemodenan yang sukar dibendung.

Begitulah nasib yang dialami oleh Orang Asli suku Temuan yang sebelum ini menetap bertahun-tahun di Bukit Lanjan namun ditempatkan semula di Desa Temuan, Bandar Damansara Perdana bagi memberi 'ruang' kepada projek hartanah dan komersial.

Kordinator Pusat Prihatinan Orang Asli (COAC), Colin Nicholas berkata, golongan terbabit tidak mempunyai masalah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran moden tetapi apa yang menjadi masalah ialah jaminan masa depan mereka.

"Penempatan semula mereka di bandar dengan infrastruktur moden dan lengkap adalah wajar demi perubahan kehidupan lebih baik.

"Namun apa yang membimbangkan mereka sama ada usaha untuk mengekalkan identiti dan nilai komuniti mereka diteruskan atau dibiarkan pupus begitu saja," katanya kepada *Mingguan mStar*, baru-baru ini.

Terdapat dua kategori Orang Asli di Bukit Lanjan iaitu mereka yang berasal di kawasan berkenaan tetapi bekerja di luar dan mereka berasal dari luar tetapi menetap situ.

Mungkin bukan masalah bagi Orang Asli yang sudah biasa kerja di luar tetapi bagaimana dengan mereka yang sebelum ini hanya bergantung kepada hasil hutan?

Maka tidak hairanlah sehingga kini masih ada antara mereka kembali ke hutan untuk mendapatkan sumber makanan atau pendapatan.

Colin berkata, segelintirnya sudah berpindah keluar dari Desa Temuan atau sekurang-kurangnya menjalani 'aktiviti atau kehidupan lama' ke kawasan lain.

"Antaranya adalah Sungai Buloh, Gombak, Sungai Batu dan Bukit Lenggong yang masih mempunyai penempatan Orang Asli," katanya.

Menurut beliau, pada awalnya penempatan semula dari Bukit Lanjan ke Desa Temuan, Bandar Damansara Perdana dilihat sebagai model kepada pembangunan Orang Asli.

Namun selepas lebih sedekad, jelasnya, apa yang dilihat adalah pembangunan lebih memfokuskan kawasan sekeliling bagi projek hartanah dan komersial.

"Benar, Orang Asli Temuan diberikan pampasan dan rumah tetapi usaha membantu mereka menyesuaikan diri daripada kehidupan lama tidak berterusan.

"Ini melibatkan peranan Lembaga Adat serta ketetapan sebenar dari segi tanggungjawab Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)," katanya.

Colin berpendapat, demi keprihatinan dan membela nasib Orang Asli Temuan yang hidup di bandar kuasa JKKK seharusnya diberikan sepenuhnya kepada komuniti itu.

Ini katanya, sebarang perubahan atau peralihan kehidupan sudah tentu tidak akan kembali seperti dahulu di mana mereka semua tinggal di dalam hutan di Bukit Lanjan.

"Bagaimanapun, nilai dan identiti mereka sebagai Orang Asli seharusnya diberikan jaminan dan usaha membangunkannya perlu dilakukan secara berterusan.

"Kuasa di sini bukan menidakkan kehidupan mereka tetapi perlu disesuaikan

dengan kemodenan dan kepesatan pembangunan bandar serta pengukuhan komuniti," ujarnya.

Tambahnya lagi, ini melibatkan perhubungan sosial bagi Orang Asli supaya tiada pengaruh tidak baik sehingga menjejaskan atau memburukkan keadaan sama ada kepada individu atau komuniti itu secara menyeluruh.

Justeru Colin berkata, luahan rasa tidak puas hati atau kemarahan Orang Asli Temuan bukan disebabkan pembangunan persekitaran tetapi jaminan nasib mereka.

"Sama ada kerajaan atau pemaju, jika benar-benar mahu menjadikan Orang Asli di Desa Temuan sebagai model kepada pembangunan komuniti, maka seharusnya usaha itu perlu dilaksanakan secara luar dan dalam bukan sekadar infrastruktur semata-mata," katanya.

Menurut beliau, Orang Asli juga seperti orang lain yang mempunyai hak. Identiti dan nilai komuniti mereka itu adalah hak yang perlu dipertahankan.

"Berikanlah mereka 'kuasa' untuk membentuk pengurusan sosial lebih baik dalam komuniti itu termasuk membantu menyesuaikan diri dengan persekitaran semasa.

"Bantuan itu perlu digerakkan kepada mereka yang benar-benar telus dan menjalankannya agar usaha tidak separuh jalan," katanya yang mewakili NGO membela nasib Orang Asli di negara ini.



Bercucuk tanam menjadi rutin yang diamalkan masyarakat Orang Asli.

Tidak biasa dengan budaya bayar bil

Oleh IWAN SHU-ASWAD SHUAIB

iwana@thestar.com.my

SEGELINTIR Orang Asli kaum Temuan terutama suri rumah menyifatkan penempatan semula yang diberikan pemaju hanya membataskan pergerakan mereka.

Asiah, 52, berkata, dia menetap di perkampungan Orang Asli Temuan di Bukit Lanjan sejak dia dilahirkan menyebabkannya sudah biasa dengan keadaan itu.

"Kami di sini lebih banyak berkurung di rumah kerana tidak banyak aktiviti yang boleh dilakukan bersama suri rumah lain di kawasan moden ini.

"Kawasan rumah masing-masing yang dipagari membuatkan kami seolah-olah terpisah dengan yang lain menyebabkan kehidupan lebih selesa berada di rumah," katanya.

Mengimbuai kembali kehidupannya di Bukit Lanjan, Asiah berkata, dia bersama kaum wanita lain sering melakukan aktiviti bersama-sama.

Antara yang dilakukan adalah pergi menoreh getah pada awal pagi, bercucuk tanam, menangkap ikan serta mencuci pakaian di pinggir bukit.

"Sekarang ini tidak banyak aktiviti yang boleh dilakukan bersama terutama suri rumah lain lebih selesa tinggal di rumah masing-masing.

"Kehidupan masih bebas boleh keluar ke mana-mana tetapi semangat kejiranan itu seperti sudah tiada lagi. Jika keluar pun bersama anak-anak," katanya lagi.

Ini jelas menunjukkan segelintir Orang Asli yang ditempatkan semula di Desa Temuan dekat Damansara masih merindui kehidupan lama di Bukit Lanjan.

Menurut Asiah, kehidupan sebenar dan lebih segar adalah di hutan kerana tanah di kawasan itu dianggap sebagai 'ibu' kepada penempatan mereka.

Tanaman tidak berhasil

KEHIDUPANNYA sekarang tidak lagi seperti dahulu dengan rumah dikelilingi



ASIAH



ROснаH DIN

pelbagai jenis tanaman untuk keperluan sekeluarga sebelum dijual.

Sarip, 50, berkata, dia dahulu mengusahakan tanaman keladi, ubi, tebu, cili termasuk pisang bersama keluarga sebelum berpindah ke penempatan baru di Desa Temuan dekat Damansara.

"Saya cuba untuk mengamalkan perkara yang sama di sini dengan mengusahakan tanaman di sekelilingi rumah tetapi hasilnya tidak menjadi.

"Apa yang ada tak banyak mungkin kerana tanah tidak subur untuk mengusahakan pelbagai jenis tanaman. Keluasan tanah pula begitu terhad.

"Jika bernasib baik, ada hasilnya boleh dijadikan makanan untuk kami sekeluarga. Kalau tidak, nampaknya kena makan nasi dan garam saja," katanya.

Dia tidak melihat perubahan cara hidup itu begitu membebaskan sehingga mereka ketiadaan wang untuk barangan keperluan dan makanan.

Menurut Sarip, jika dahulu hasil tanaman yang diusahakan boleh dijual ke kedai runcit berhampiran dan pendapatan itu boleh digunakan untuk keadaan apabila diperlukan.

"Namun sekarang ini sudah tiada lagi. Tanaman yang ada tidak berhasil. Pokok cilinya ada tetapi layu dan tidak berbuah. Sudah tentu menyusahkan.

"Cukup tak cukup apa yang boleh kami



Segelintir Orang Asli di Desa Temuan 'kembali' mandi menggunakan air bukit ekor an bekal an air di rumah terputus kerana tidak menjelaskan bil tertunggak. Mereka tidak biasa membayar bil.

buat. Kasihan juga pada anak-anak sebab tak dapat bawa mereka makan di luar," katanya.

Duit dah 'licin'

PEMBINAAN sebuah penempatan semula serba moden di Desa Temuan, Bandar Damansara Perdana yang bermula pada tahun 1995 itu belum cukup memuaskan hati semua 147 Orang Asli kaum Temuan.

Seorang suri rumah, Rosnah Din, 40, berkata, kehidupannya semakin susah berbanding dahulu meskipun diberikan penempatan di rumah banglo.

Menurutnya, kerajaan pernah menjanjikan untuk terus membangunkan Orang Asli tetapi setakat pada masa itu saja.

"Susah senang kami sekarang macam mana? Dulu memang ada pembangunan tetapi sekarang dah tak ada yang membangun kerana kami semakin susah.

"Orang Asli sudah biasa hidup susah di sana (hutan) tetapi tahu macam mana nak buat. Memang ada pembangunan tetapi bukan semua lengkap," katanya.

Kehidupan baru Rosnah bersama lima ahli keluarganya yang lain ternyata tidak memberi keselesaan sepenuhnya kerana menghadapi pelbagai kesukaran.

Walaupun menetap di 'rumah batu' namun katanya, keadaan tidak berubah malah semakin susah kerana perlu memikirkan tetang pelbagai kos yang perlu ditanggung.

"Kami hanya diberikan rumah dan kerajaan cadangkan pembangunan tetapi kami yang perlu membayar bil air dan elektrik serta bayaran lain lagi. Rumah batu tak cukup.

"Sekarang air kami dipotong sebab tak bayar bil maka kami terpaksa mandi jauh di sana (di pinggir bukit). Makan boleh hutang tapi mandi mana boleh hutang," katanya.

Tambahnya lagi, bayaran sewa untuk pemberian rumah satu lagi di Damansara Damai sebanyak RM500 sebulan masih tidak cukup untuk menampung dia sekeluarga.

"Mereka cakap bila dah beri rumah batu, Orang Asli akan senang. Tapi sekarang susah juga. Dulu memang ada dapat pampasan tetapi sekarang dah licin (habis)," katanya.

Rosnah berkata, sehingga satu ketika mereka sekeluarga terpaksa mandi menggunakan air hujan dan ini termasuk kegunaan lain seperti membuang air kecil dan besar.

"Air sudah kena potong lebih dua bulan. Kami tak ada duit untuk bayar tetapi tak kan hendak berulang-ulang ke bukit untuk mandi. Kadang-kadang penat juga.

"Sekarang kami terpaksa meletakkan beberapa baldi di luar rumah bagi tadahan air hujan untuk memudahkan kami mandi dan urusan lain," katanya.